

LARANGAN PEMBAKARAN TERBUKA DI PAHANG

KUANTAN, 12 MAC 2021: Negeri Pahang diisytiharkan sebagai kawasan larangan pembakaran terbuka berkuat kuasa serta merta sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Pengerusi Jawatankuasa Perlancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB Dato' Sri Haji Mohd Sharkar Haji Shamsudin berkata, selain Pahang, Selangor dan Johor juga mengenakan perintah yang sama.

"Berikutan itu, semua pihak dilarang melakukan pembakaran terbuka atau menyebabkan pembakaran terbuka di tanah atau premis mereka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

"Mereka yang disabitkan kesalahan boleh didenda atau didakwa mengikut undang undang sedia ada," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook miliknya.

Sehubungan itu, agensi Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan, pemilik premis dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya terus memantau secara rapi di kawasan-kawasan mudah terbakar selain mencegah pencerobohan oleh pihak tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Beliau berkata, untuk aktiviti keagamaan seperti pembakaran mayat bagi yang beragama Hindu, hendaklah memohon kebenaran dari pihak berkuasa terlebih dahulu.

"Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan berikutan peningkatan suhu yang sedang berlaku kini.

"Sebarang laporan mengenai pembakaran terbuka juga boleh dilaporkan terus kepada pihak Jabatan Alam Sekitar di talian Hotline 1-800-88-2727 dan Unit Aduan JAS Negeri Pahang di talian 09-5730636/129/148/139," katanya – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP

Oleh : Fansurina Abdullah

(LIPUTAN BERGAMBAR)

The infographic features a background image of a man in a white shirt speaking into a microphone. At the top, it has the 'PAHANG MALAYSIA Simply Awesome' logo. The main title is 'CUACA PANAS DI PAHANG'. Below the title are three bullet points. At the bottom, there is a photo of Mohd Sharkar Shamsudin with his title. The footer contains several logos including the Pahang State Government, Tourism Pahang Malaysia, ME 1985, the 174th anniversary of the Malay Federation, the United Kingdom, and Yayasan Redha.

CUACA PANAS DI PAHANG

- Bermula 3 Mac 2021, semua aktiviti pembakaran terbuka adalah dilarang serta merta dibawah Pengisytiharan Kawasan Larangan Pembakaran Terbuka sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
- Bagi aktiviti keagamaan pula perlu mendapatkan kebenaran dari pihak berkuasa.
- Sila hubungi Jabatan Alam Sekitar di talian hotline **1-800-88-2727** untuk pertanyaan lanjut

Mohd Sharkar Shamsudin
EXCO Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar,
Perladangan dan Komoditi Negeri Pahang

PERBADANAN MUZUM Negeri Pahang, Tourism PAHANG MALAYSIA, ME 1985, 174th Anniversary of the Malay Federation, UNITED KINGDOM, YAYASAN REDHA

